

Sila semak semasa dilafazkan

UCAPAN ALUAN YANG AMAT BERBAHAGIA
DATIN SERIDR SITI HASMAH BTE HAJIMOHD ALI
SELAKU YANG DIPERTUA BAKTI
DI MAJLIS DIALOG BERSAMA YAB PERDANA MENTERI
ANJURAN BAKTI
DI AUDITORIUM BESAR, INTAN
PADA HARIJUMAAT, 23HB JANUARI 1998
JAM 9.30 PAGI

Terlebih dahulu saya bagi pihak BAKTI mengalu-alukan kehadiran YAB dan mengucapkan berbilang terima kasih kepada beliau kerana sudi hadir bersama-sama di majlis kita pada hari ini. Saya juga mengalu-alukan kehadiran saudara-saudari dari berbagai-bagai organisasi wanita yang dijemput untuk bersama-sama mendengar ceramah YAB Perdana Menteri dan berdialog dengan beliau sesudahnya.

2. Seperti yang diketahui negara kita sedang menghadapi masalah ekonomi. Walaupun banyak telah dilaporkan mengenainya dalam surat khabar dan Radio & Televisyen, namun ramai antara rakyat biasa termasuk kaum wanita tidak betul-betul memahami kenapa ekonomi kita dilanda masalah. Ramai antara kita yang masih bertanya-tanya kenapa ianya berlaku dan mudah pula menerima khabar angin yang menakutkan dan memburukkan lagi keadaan. Atas kesedaran inilah, maka BAKTI telah menganjurkan majlis ini dan menjemput Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menjelaskan kepada kita keadaan sebenarnya ekonomi negara pada masa ini dan langkah-langkah Kerajaan mengatasinya. Dengan penerangan dan penjelasan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri

adalah diharapkan ianya akan dapat membantu kita memahaminya dengan lebih jelas. Dan dengan kefahaman yang lebih baik, saya yakin orang ramai khusus kaum wanita akan dapat memainkan peranan yang lebih berkesan membantu Kerajaan dalam menangani masalah ekonomi ini.

3. Insyaa-Allah dengan kerjasama semua golongan rakyat Malaysia, termasuk kaum wanita, usaha negara untuk mengatasi masalah ekonomi yang melanda kita sekarang akan dapat diatasi dengan lebih cepat.

Sekian.
